


PTAR Memenangi Anugerah Perak Di **iidex 2016**

Oleh : En. Ahmad Faizar Jaafar

Kumpulan Keylite dari Perpustakaan Tun Abdul Razak menerusi projek inovasi **Remover Lamp telah mendapat Anugerah Perak (silver)** di dalam pertandingan Ekspo Reka Cipta, Inovasi dan Reka Bentuk (iidex) yang berlangsung di Dewan Agong Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam.

Invention, Innovation and Design Exposition (iidex) merupakan pertandingan inovasi anjuran UiTM pada setiap tahun. Pertandingan ini terbuka kepada semua peringkat Universiti Awam, Universiti Swasta, Agensi Luar, Politeknik, dan Sekolah. Fokus IIDEX diadakan adalah memenuhi Teras Ketiga yang terkandung dalam Pelan Pendidikan Pengajian Tinggi Malaysia iaitu *Enhancing Research and Innovation*.

iidex 2016 yang dianjurkan oleh Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI), Universiti Teknologi MARA (UiTM) ini telah memasuki edisi ke-12 dan mendapat penyertaan kampus cawangan UiTM, universiti swasta serta sekolah.



Kumpulan Keylite dari Perpustakaan Tun Abdul Razak, telah mendapat Anugerah Perak (silver)



Program Pemantapan Perkhidmatan Perpustakaan 4P

Oleh : Pn Siti Aishah Sadan

Bahagian Perkhidmatan Akademik dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Pelanggan, Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan (JPP), Perpustakaan Tun Abdul Razak(PTAR), UiTM Shah Alam telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan **Program Pemantapan Perkhidmatan Perpustakaan (4P)** kepada Perpustakaan UiTM Negeri (PUiTM Negeri) pada tahun 2016 ini. Program ini adalah disasarkan kepada semua staf perpustakaan yang mengendalikan hal ehwal perkhidmatan perpustakaan di seluruh Perpustakaan UiTM Negeri agar selari dengan perkhidmatan perpustakaan yang terkini yang ditawarkan oleh pihak PTAR.

Program 4P siri kedua ini yang telah diadakan di Perpustakaan Tengku Anis , Kampus Machang, UiTM Kelantan pada 6 hingga 7 September 2016. Seramai 24 orang peserta telah menghadiri program yang berlangsung selama dua hari ini.

Beberapa siri sesi Perkongsian Ilmu telah diadakan termasuk :

1. Taklimat Perkhidmatan Pelanggan Pengurusan data pengunjung perpustakaan , Pengurusan lewat pemulangan bahan, Inter Library Loan (ILL), Book Delivery Service (BDS), Bulk Loan, Keahlian luar perpustakaan, Program Galakan Membaca (PGM)
2. Taklimat Program Pendidikan Pengguna Modul Kelas Kemahiran Maklumat ,Lawatan Berpandu , Orientasi Perpustakaan , Library Mobile Info Kiosk , Library Outreach Program , Pegawai Perhubungan Perpustakaan (PPP) , Portal perpustakaan
3. Penggunaan Perisian Endnote dalam Pengurusan Sitasi
4. Penggunaan Perisian Mendeley dalam Pengurusan Sitasi
5. Latihan dan Penjanaan Statistik Reference Desk Management System (RDMS)
6. Perkhidmatan Rujukan, Latihan dan Penjanaan Statistik Live Chat (*Chat with Librarian*)
7. Taklimat validasi PRISMA, Scopus, WoS, ERA dan penarafan universiti

Siri seterusnya akan diadakan di Perpustakaan UiTM Negeri yang lain mengikut jadual yang telah ditetapkan sepanjang tahun 2016 ini.




Bersama dengan peserta dari UiTM Kelantan



Pn. Nor Azwani memberikan penerangan kepada para peserta



Para peserta mendengar penerangan daripada En. Jamalludin Sulaiman



En. Ahmad Faizal memberikan penerangan kepada para peserta

Audit Dalam Bil. 2/2016

Oleh : Pn Wan Norizan Wan Mansor

Sesi pengauditan Audit Dalam Bil 2/2016 telah diadakan pada 19 – 20 September 2016 di 12 lokasi iaitu di PTAR Utama (6 Bahagian) dan Perpustakaan Fakulti iaitu Perpustakaan Undang-Undang, Perpustakaan Kejuruteraan, Perpustakaan Fakulti Sains & Teknologi , Perpustakaan Alam Bina, Perpustakaan Puncak Alam serta Perpustakaan Puncak Perdana. Skop audit kali ini adalah penyediaan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan. Seramai 24 orang Auditor Dalam PTAR telah terlibat dalam sesi pengauditan pada kali ini.

Tujuan audit dijalankan adalah bagi memastikan sama ada mematuhi standard dan perancangan yang telah ditetapkan dalam Model Proses Utama Perkhidmatan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) ISO 9001:2008 Perpustakaan. Disamping untuk penambahanbaikan dan peningkatan kualiti Perpustakaan.



Mesyuarat pembukaan audit dalam yang diadakan di Perpustakaan Tun Abdul Razak Utama



Audit dalam yang dijalankan di Perpustakaan Tun Abdul Razak Utama



Audit dalam yang dijalankan di Perpustakaan Tun Abdul Razak Utama

Audit dalam yang dijalankan di Perpustakaan UiTM Kampus Puncak Alam

Training of Trainers (TOT) OCLC Worldcat Discovery Services di PTAR Shah Alam

Oleh : Pn Nor Hafizah Md Hanafiah

Bahagian Pemprosesan Teknikal (BPT), Jabatan Pembangunan Bahan Perpustakaan, PTAR telah menganjurkan Latihan OCLC Worldcat Discovery Services.

Pangkalan Data OCLC Worldcat Discovery Services adalah satu perkhidmatan yang disediakan oleh pihak OCLC bagi memudahkan pustakawan dan pengguna khususnya dalam mengakses dan berkongsi maklumat bahan yang terdapat di seluruh dunia sama ada dalam bentuk bercetak, elektronik dan juga digital dengan lebih mudah dan cepat. Pangkalan data ini boleh didapati melalui pautan <https://uitm.on.worldcat.org/discovery>. Walaubagaimanapun Perpustakaan Tun Abdul Razak telah mengambil inisiatif untuk mempromosikan pangkalan data ini dengan menyediakan pautan tersebut di laman sesawang perpustakaan <http://library.uitm.edu.my/>.

Tarikh : 28 September 2016 (Rabu) | Masa : 2.30 petang - 4.30 petang | Tempat : Pusat IT, Perpustakaan Undang-Undang
Peserta : 33 orang Pustakawan & Pustakawan Kanan UiTM Shah Alam




This training is designed for the WorldCat Discovery Services' end users, such as students, researchers, lecturers and librarians on how to do basic search and advanced search within the institution's WorldCat platform. It will show them how to look for the items they are seeking in the library resources from books, journals, ebooks, ejournals, article, thesis and many more within the local library and beyond. The session will also demonstrate how WorldCat Discovery function as a one-stop universal search service for all library resources. Users will be able to check the availability of the searched items from the WorldCat Discovery that linked to the library's OPAC and access full-text directly for electronic resources such as ebooks and ejournals.

Additionally, this training will explain to the end users on what WorldCat Discovery Services really is, and how end users can benefit from its features and functions to search in the local library and beyond.

WHO SHOULD ATTEND?

- Students
- Researchers
- Lecturers
- Librarians



Wise quote:

"Lihatlah dunia dari pandangan mata burung, jangan lihat dunia dari pandangan bawah tempurung"

<https://uitm.on.worldcat.org>

What you will gain?

- ▶ Understand what is WorldCat Discovery
- ▶ Know how to do a basic search and advanced search in WorldCat Discovery
- ▶ How to do a filtering to limit your search
- ▶ How to check the availability of the searched item
- ▶ How easy it is to view full text for subscribed electronic resources
- ▶ Preview Google eBooks and access free open access full text

"WorldCat Discovery Services connect your users to information they need. Connect your library to the world"

"Compared to our original discovery interface, people much prefer the search functionality in WorldCat Discovery. It also fast and gives relevant results"



The world's libraries.
Connected.™



Latihan Training of Trainers (TOT) OCLC Worldcat Discovery Services di PTAR Shah Alam

Pemindahan Server PTAR

Oleh : Pn Noraishah Kamardin

Bahagian Pengurusan Sistem Perpustakaan, PTAR telah melakukan kerja-kerja perpindahan server dari Bilik Server PTAR ke Pusat Data UiTM pada 1 September hingga 3 September 2016. Perpindahan server ini melibatkan 17 orang staf PTAR dan dibantu oleh 17 orang staf Jabatan Infostruktur, Pejabat Infrastruktur dan Infostruktur UiTM. Perpindahan ini adalah disebabkan projek naik taraf aras 2 PTAR yang menempatkan bilik server.

NOTIS PEMBERITAHUAN


Alah dimaklumkan Bahagian Pengurusan Sistem Perpustakaan, PTAR akan melakukan kerja-kerja perpindahan server dari Bilik Server PTAR ke Pusat Data UiTM.

Sehubungan itu, capaian terhadap beberapa sistem perpustakaan akan mengalami gangguan bermula:-

- 01 SEPTEMBER 2016**
hingga
- 03 SEPTEMBER 2016**

Walaubagaimanapun, perkhidmatan Portal Perpustakaan dan EzAccess tidak terganggu.

Segala kesulitan yang dialami amatlah dikesali.



Staf-staf Bahagian Sistem Perpustakaan sedang menjalankan kerja-kerja pemindahan

Kerja-kerja pemindahan sedang dijalankan

Kumpulan KIK Rangkul Anugerah Di Konvensyen KIK Zon Tengah 2016

Oleh : Pn Wan Norizan Wan Mansor

Konvensyen KIK peringkat Zon Tengah 2016 telah diadakan pada 28 September 2016. Konvensyen ini telah dianjurkan oleh Fakulti Pendidikan, UiTM Puncak Alam. Sebanyak 8 kumpulan KIK daripada seluruh UiTM Selangor (termasuk satu kumpulan daripada ILD, Perak) telah berentap pada konvensyen ini.

3 Kumpulan KIK PTAR telah menyertai konvensyen ini iaitu **Kumpulan ITeam, Kumpulan Keylite dan Kumpulan Wisdom**

Berikut merupakan anugerah yang dimenangi oleh Kumpulan KIK PTAR :

ANUGERAH	PEMENANG
KETIGA	KUMPULAN ITEAM PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UITM SHAH ALAM
ANUGERAH INOVASI PROSES	KUMPULAN KEYLITE PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UITM SHAH ALAM
ANUGERAH FASILITATOR TERBAIK	TUAN HAJI AHMAD FAIZAR JAAFAR PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UITM SHAH ALAM
ANUGERAH DOKUMENTASI TERBAIK	KUMPULAN ITEAM PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UITM SHAH ALAM



3 Kumpulan KIK PTAR telah menyertai konvensyen ini iaitu Kumpulan ITeam, Kumpulan Keylite dan Kumpulan Wisdom



Tuan Haji Ahmad Faizar Jaafar memenangi Anugerah Fasilitator Terbaik



Kumpulan Keylite



Kumpulan ITeam merangkul tempat ketiga dan memenangi Anugerah Dokumentasi Terbaik



Kumpulan Keylite memenangi Anugerah Inovasi Proses

Taklimat Orientasi Pelajar Baru Sesi September 2016 – Januari 2017

Oleh : Cik Nordiana Tukijo

Satu program Taklimat Orientasi telah diadakan untuk seramai 235 pelajar baru Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) - LW224 yang akan memulakan pengajian mereka di Fakulti Undang-Undang Universiti Teknologi MARA bagi Sesi September 2016 – Januari 2017 ini. Taklimat selama sejam itu memberi pendedahan kepada pelajar tentang perkhidmatan, kemudahan dan koleksi yang disediakan oleh PTAR secara keseluruhannya.

Dalam taklimat itu juga Perpustakaan Undang-Undang (PUU) turut mempromosikan aktiviti yang dijalankan khusus untuk pelajar baru semester ini iaitu *Library Information Week* (LIW) yang dianjurkan oleh PTAR dan semua perpustakaan fakulti yang akan berlangsung sehingga 30 September ini. Pelbagai aktiviti dan banyak hadiah menarik disediakan untuk pemenang.



Sekitar sesi Taklimat Orientasi pelajar di Perpustakaan Undang-Undang

Lawatan Dari Pelajar Fakulti Hukum, Universitas Brawijaya, Indonesia Ke Perpustakaan Undang-Undang

Oleh : Cik Nordiana Tukijo

PUU telah menerima lawatan seramai 25 orang pelajar dari Fakulti Hukum, Universitas Brawijaya Malang, Indonesia. Lawatan mereka ini adalah susulan dari Program Pertukaran Pelajar Fakulti Undang-Undang, UiTM Shah Alam dengan universiti tersebut. Pihak Perpustakaan Undang-Undang (PUU) telah mengadakan satu taklimat ringkas dan lawatan berpandu bagi memberi makluman dan pendedahan tentang perkhidmatan, kemudahan dan koleksi yang disediakan untuk pengguna.



Lawatan seramai 25 orang pelajar dari Fakulti Hukum, Universitas Brawijaya Malang, Indonesia

Siri Jelajah Latihan Sistem Perpustakaan (Web Based Integrated Library System-WILS) Peringkat Zon Pantai Timur

Oleh : Cik Asmahani Abdullah

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Shah Alam sedang dalam usaha membangunkan sistem baharu kepada Perpustakaan UiTM. Sehubungan dengan ini, wakil PTAR bersama pembekal telah merangka jadual latihan jelajah perpustakaan UiTM di seluruh Malaysia mengikut zon bagi memperkenalkan sistem tersebut terus kepada staf perpustakaan yang melaksanakan proses kerja berkaitan.

Perpustakaan Cendekiawan UiTM (Terengganu) telah terpilih sebagai lokasi bagi pelaksanaan Latihan Sistem Perpustakaan (Web Based Integrated Library System – WILS) Peringkat Zon Pantai Timur. Latihan yang diadakan pada 18 hingga 29 September 2016 ini disertai oleh lebih 30 orang staf dari Perpustakaan Cendekiawan UiTM (Terengganu), Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang, Perpustakaan Tengku Anis UiTM Cawangan Kelantan dan Perpustakaan UiTM Perak.

Latihan telah disampaikan oleh En. Deepak Saxena sebagai wakil pembekal, dan dibantu oleh En. Mohammad Hamidi bin Mohd Jais, Timbalan Ketua Pustakawan, Bahagian Pengurusan Sistem PTAR dan En. Mohd Fadzile bin Abdul Malek, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat.

Merangkumi seluruh sistem pengurusan perpustakaan, latihan ini telah memberi pendedahan tentang penggunaan sistem baharu tersebut dalam pelbagai modul proses kerja perpustakaan seperti perolehan, pengkatalogan, sirkulasi, terbitan bersiri dan mengindeks artikel.



Bersama staf UiTM Terengganu dalam sesi latihan WILS



Para peserta dalam sesi latihan WILS

Perasmian Taman Ilmu Perpustakaan Cendekiawan UiTM Terengganu

Oleh : Cik Asmahani Abdullah

Taman Ilmu Perpustakaan Cendekiawan merupakan satu inisiatif perpustakaan bersama pihak pengurusan UiTM (Terengganu) dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang santai berkonsepkan dalam taman. Dengan persekitaran yang strategik dan dilengkapi kemudahan Wi-Fi, ianya dijangka dapat memberikan suasana yang kondusif kepada pengguna untuk berdiskusi serta mengulangkaji pelajaran dengan lebih santai.

Upacara perasmian Taman Ilmu ini telah disempurnakan oleh Prof. Emeritus Dr Hassan Said, Naib Canselor UiTM, disaksikan oleh Prof. Madya Dr. Hj Abdol Samad Nawi, Rektor UiTM (Terengganu), En. Ahmad Amiri Mohammad, Pustakawan Kanan, serta barisan Jawatankuasa Eksekutif UiTM (Terengganu). Beliau yang hadir sempena dengan sesi lawatan beliau ke kampus UiTM (Terengganu) bagi Sesi Ramah Mesra bersama warga kampus UiTM (Terengganu) pada 4 September 2016, telah sempat meluangkan masa melawat sekitar Taman Ilmu serta beramah mesra dengan pelajar. Naib Canselor juga dibawa melawat bangunan baharu perpustakaan yang masih dalam pembinaan.

Projek pembangunan Taman Ilmu yang diusahakan bersama Bahagian Pengurusan Fasiliti ini telah bermula pada September 2015 dan siap pada Februari 2016 melibatkan usaha menaiktaraf kawasan persekitaran perpustakaan dengan pembinaan empat buah Teratak Ilmu, penanaman pokok yang bersesuaian serta penambahbaikan tempat letak motosikal pelajar dan staf. Pelbagai aktiviti dijangka akan dilaksanakan dalam rangka menarik para pelajar dan warga kampus untuk memanfaatkan kemudahan taman ini sepenuhnya.



Perasmian Taman Ilmu Perpustakaan Cendekiawan UiTM Terengganu

Lawatan Mesra Naib Canselor UiTM, Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said ke UiTM Melaka

Oleh : Pn Hazlin Ibrahim Khan

Pada 8 September 2016, Pusat Sumber UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya telah menerima lawatan daripada Naib Canselor UiTM, Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said sempena Lawatan Mesra Naib Canselor ke UiTM Melaka. Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said sempat singgah ke Pusat Sumber Aras 12, UiTM (Melaka) Kampus Bandar raya untuk melihat Pameran 60 Tahun UiTM (1956 – 2016)



Lawatan daripada Naib Canselor UiTM, Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said

Little Free Library (LFL) UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya

Oleh : Pn Hazlin Ibrahim Khan



Naib Canselor UiTM ke UiTM Melaka, Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said melaksanakan sesi perletakan 'Charter Number' LFL UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya yang bermnobor 39921

Idea penubuhan LFL UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya bermula pada 27 Januari 2016, apabila staf Pusat Sumber membuat lawatan penandaaranan ke Perpustakaan USIM untuk melihat sendiri rumah kecil atau perpustakaan mini mereka dan kaedah perlaksanaannya.

Little Free Library UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ir Hj Idris Haron sempena Sambutan 10 Tahun Kampus Bandaraya Melaka pada 19 Mei 2016.

Seterusnya pada 8 September 2016, Naib Canselor UiTM, Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said telah melaksanakan sesi perletakan 'Charter Number' LFL UiTM Melaka.

Objektif LFL :

- Untuk mempromosikan literasi dan menggalakkan tabiat suka membaca dengan membina sebuah kotak kecil yang menempatkan bahan bacaan dan boleh dikongsi secara meluas dengan sesiapa sahaja.
- Untuk membina jaringan hubungan baik antara komuniti dengan perkongsian kepakaran dan sebagai wadah perkongsian ilmu, kreativiti, kepercayaan dan percambahan minda

Konsep LFL :

- Take a book – ambil sebuah buku
- Leave a book – tinggalkan sebuah buku (sumbangan)
- No due dates – tiada tarikh pulang
- No late fees – tiada denda lewat pemulangan
- No library cards required – tiada kad keahlian perpustakaan diperlukan
- The doors are open every day of the week, 'twenty-four hours a day' – dibuka setiap hari

Lawatan Audit MQA Di PTAR UiTM Sarawak

Oleh : Pn. Nur Afeqah Abdullah

Pada 29 September 2016, PTAR UiTM Sarawak telah menerima lawatan audit dari pihak MQA (Malaysian Qualification Agency) untuk memastikan sama ada bahan rujukan di perpustakaan relevan dan mencukupi bagi program Diploma Pengurusan Halal (IC120). Tujuan audit tersebut adalah untuk mendapatkan kelulusan akreditasi penuh bagi program Diploma Pengurusan Halal (IC120). Seramai tiga orang panel MQA yang terlibat dalam lawatan tersebut iaitu PM Dr Noriah Ramli, Puan Faridah Mohd Zin dan Puan Intan Zarina Zainal Abidin. PTAR UiTM Sarawak merupakan sumber rujukan utama bagi membantu mendapatkan kelulusan MQA. PTAR UiTM Sarawak telah menerima lawatan audit dari pihak MQA (Malaysian Qualification Agency)



PTAR UiTM Sarawak telah menerima lawatan audit dari pihak MQA (Malaysian Qualification Agency)

Pencapaian Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang di Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) UiTM Peringkat Zon Pantai Timur

Oleh : Pn. Hanani Rojikin

Pada 25 hingga 26 hb September 2016 , telah berlangsung Konvensyen KIK Zon Pantai Timur di UiTM Dungun, Terengganu. Pihak Perpustakaan UiTM Cawangan Pahang telah terpilih menjadi wakil dari Bahagian Pentadbiran bagi kategori proses begitu juga Bahagian Infotech untuk kategori teknikal.

Dengan tajuk 'Memastikan Kedudukan Susunan Buku Kemas Dan Tersusun' serta penghasilan produk Adjustable Book Leveler, Kumpulan KIK Perpustakaan iaitu Kumpulan ILMU telah meraih beberapa kategori yang dipertandingkan. Anugerah yang dimenangi ialah Anugerah Kumpulan KIK Berpotensi Terbaik dan Anugerah Persembahan Terbaik.

Kumpulan ILMU yang terdiri daripada 10 orang ini diketuai oleh Pn. Hanani bt. Rojikin, Pn. Suhaina bt. Ibrahim (setiausaha), En. Alias b. Manap, En. Zainudin b. Ghani, En. Mohd Fuad b. Khalib, En. Mohd Firdaus b. Azmi, En. Khairul Ziad b. Hasbullah, En. Mohd Sahrin b. Husin, En. Roshairi b. Che Razali dan En. Wan Rosli b. Wan Rajab. Pn. Norfitriah bt. Mat Seman pula bertindak sebagai fasilitator kumpulan.

Sejuta penghargaan diberikan kepada Pihak Pengurusan Tertinggi UiTM Pahang, Tuan Rektor Prof. Dr. Jamaluddin b. Kasim, Cik Zuhariah bt. Husin, Ketua Unit Kualiti UiTM Cawangan Pahang serta En. Nik Hazlan b. Nik Hashim, Penyelaras KIK UiTM Cawangan Pahang. Ucapan terima kasih yang paling teristimewa didedikasikan kepada Pn. Rosnita bt. Ja'afar, Timb. Ketua Pustakawan dan En. Mohd Ehsan b. Amin di atas keprihatinan, tunjuk ajar, nasihat serta semangat yang diberikan.



Kumpulan ILMU telah memenangi Anugerah Kumpulan KIK Berpotensi Terbaik dan Anugerah Persembahan Terbaik



Produk Adjustable Book Leveler yang dihasilkan oleh Kumpulan ILMU



Taklimat Asas Kemahiran Maklumat

Oleh : Pn. Atirah Ruslan

Unit Perkhidmatan Maklumat, Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah telah melaksanakan satu taklimat berjudul 'Asas Kemahiran Maklumat' kepada semua pelajar baharu Sarjana Muda Sesi September 2016.

Objektif program ini adalah untuk menyalurkan maklumat kepada pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Sesi September 2016 berkenaan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang terdapat di Perpustakaan Sultan Badlishah dan memberi tunjukajar kaedah pencarian bahan perpustakaan dan maklumat melalui portal perpustakaan, OPAC, koleksi digital perpustakaan dan pangkalan data atas talian yang telah dilanggan.

Program ini telah berlangsung pada 26 September 2016 sehingga 13 Oktober 2016 dengan penyertaan seramai 347 pelajar. Sesi taklimat telah diadakan selama dua (2) jam bagi setiap kumpulan.



Taklimat berjudul 'Asas Kemahiran Maklumat' yang dilaksanakan oleh Unit Perkhidmatan Maklumat, Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah